



BH 10/11/13 MS1

**Keadaan rumah di persisiran pantai di wilayah Iloilo** yang ranap dilanda taufan Haiyan.

[ FOTO REUTERS ]

# 1,200 korban taufan Haiyan

» Rumah, lapangan terbang di tengah Filipina musnah

## Tacloban

Sekurang-kurangnya 1,000 orang maut di bandar Tacloban dan 200 lagi di wilayah Samar, tengah Filipina, selepas dilanda taufan Haiyan, kata Palang Merah Filipina.

“Lebih 1,000 mayat terapung dilihat di Tacloban mengikut laporan pasukan Palang Merah. Di Samar, 200 lagi maut,” kata Setiausaha Agung Palang Merah Filipina, Gwendolyn Pang.

Angka korban dijangka meningkat selain kemusnahan lebih teruk apabila pekerja bantuan dan askar tiba di kawasan terputus hubungan akibat taufan itu yang dipercayai paling kuat

dalam sejarah.

Pihak berkuasa belum dapat menghubungi pegawai di Tacloban yang mempunyai 220,000 penduduk selepas komunikasi terputus dengan 100 lagi dipercayai cedera kerana taufan itu.

“Mayat mangsa taufan boleh dilihat di tengah jalan,” kata Timbalan Ketua Pengarah Pihak berkuasa Penerbangan Sivil, John Andrews.

### Komunikasi terputus

Tiang elektrik patah, pokok tumbang, bumbung kediaman runtuh dan rumah ranap dilihat di mera-

## INFO

© Haiyan adalah taufan kategori 5 kedua melanda Filipina tahun ini  
© Secara purata, 20 taufan melanda setiap tahun



*Kedadaan di sebahagian bandar Tacloban dengan banyak kediaman musnah kerana taufan Haiyan.*

[FOTO AFP]

ta-rata tempat di bandar itu, 580 kilometer di tenggara Manila yang turut banjir dengan kenderaan dimasuki air.

### Banjir besar

Sebelum komunikasi terputus Jumaat lalu, pegawai bandar melaporkan banjir besar melanda. Rangkaian telefon bimbit turut terputus manakala kebanyakan jalan raya tidak dapat dilalui.

“Hampir semua rumah musnah, kebanyakannya rosak teruk. Hanya beberapa saja baik,” kata jurucakap agensi bencana kebangsaan, Mejar Rey Balido.

Lapangan terbang bandar itu

yang berada dekat pantai musnah dilanda ombak besar dan beberapa askar yang berpejabat di situ juga hilang, kata pegawai tentera.

Seramai satu juta penduduk berada di tempat perlindungan sementara di 37 wilayah selepas Presiden Benigno Aquino merayu penghuni kawasan yang bakal dilanda taufan itu supaya berpindah.

Haiyan yang kini menuju Vietnam berada dalam kategori 5 ‘taufan raksasa’ dan dilaporkan semakin lemah dan mencapai kategori 4.

Bagaimanapun, pengkaji cuaca menjangkannya kembali besar

semalam ketika ia melalui Laut China Selatan dan sampai ke Vietnam hari ini.

Pihak berkuasa di 15 wilayah Vietnam meminta bot nelayan pulang dan hampir 300,000 orang dipindahkan ke kawasan lebih selamat di Da Nang dan Quang Nam, kata laman web kerajaan.

### Kelajuan angin 185 kilometer

Sehingga petang semalam, Haiyan berada 709 kilometer di barat San Jose, wilayah Occidental Mindoro membawa angin yang boleh mencapai kelajuan 185 kilometer sejam sehingga 220 kilometer sejam.

Ia melanda kepulauan Leyte dan Samar dengan kelajuan angin 275 kilometer sejam selain menyebabkan ombak setinggi lima hingga enam meter di pinggir utara wilayah Cebu.

Haiyan adalah taufan kategori 5 kedua melanda Filipina tahun ini selepas Usag, September lalu.

Secara purata, 20 taufan melanda setiap tahun dan Haiyan adalah yang ke-24 tahun ini.

Tahun lalu, taufan Bopha memusnahkan tiga bandar di selatan Mindanao, menyebabkan 1,100 orang maut dengan kerosakan ditaksirkan mencapai lebih AS\$1 bilion (RM3.2 bilion).

REUTERS

## Bahana Haiyan




**Video stesen ABS-CBN menunjukkan penduduk meredah banjir selepas bandar Mindoro dilanda taufan Haiyan.**

[ FOTO AP ]



**Mangsa melalui kawasan yang musnah kerana taufan Haiyan ketika berusaha mendapatkan bantuan.**

[ FOTO REUTERS ]



**Penduduk meninjau kemusnahan selepas taufan Haiyan melanda Janiuay, wilayah Iloilo di tengah Filipina.**

[ FOTO REUTERS ]



**Sebuah kereta terbalik di luar lapangan terbang yang musnah selepas taufan Haiyan melanda Tacloban.**

[ FOTO REUTERS ]



**Wanita dan anaknya lalu di bawah kabel elektrik selepas tiang bekalan tumbang dibadai taufan Haiyan di Tacloban.**

[ FOTO REUTERS ]